



CHURCH OF DIVINE MERCY

Alamat: 117, Jalan Kenari, Sg. Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
 Tel: 04-646 6881 / 013-584 6881 | E-mel: divinemercypg@yahoo.com
 Laman Web: www.cdm.my | Facebook: Church of Divine Mercy Sg Ara | Instagram: @cdmpenang
 Jam Kerja Pejabat Paroki: Tutup hari Isnin
 9.00pg – 5.00ptg (Selasa – Jumaat) | 9.00pg – 1.00ptg (Sabtu & Ahad)
 CDM Kampung-Ku -- (Dis 2024) Persekutuan Natal - Peziarah Harapan



LINKTR.EE/CDMPENANG

Bicara Paderi...

Ketika kita memulai tahun liturgi yang baru pada hari Minggu yang lalu, penekanan yang jelas dari bacaan-bacaan adalah pentingnya persiapan kita akan kedatangan Tuhan. Oleh itu, sejak awal kita menyedari bahawa masa Adven adalah musim persediaan. Pembacaan hujung minggu ini membantu kita untuk memahami jenis persiapan yang harus kita lakukan. Bacaan-bacaan ini tidak menyentuh tentang persediaan luaran, namun mengajak kita untuk memberi tumpuan kepada kehidupan dalaman kita. Dalam Injil, untuk pertama kalinya pada masa Adven ini, kita bertemu dengan nabi besar Yohanes Pembaptis. Yohanes mulai mewartakan di mana-mana "baptisan pertobatan untuk pengampunan dosa." Hal ini segera menunjukkan kepada kita salah satu elemen penting untuk bersiap sedia menyambut kedatangan Tuhan, iaitu berurusan dengan masalah dosa.

Yohanes tidak menekankan perubahan luaran tetapi perubahan dalaman. Namun, gambaran yang digunakan oleh Kitab Suci untuk menggambarkan perubahan ini adalah perubahan yang dramatik dalam lingkungan fizikal: pekerjaan mengisi lembah-lembah dan meratakan setiap gunung yang tinggi. Kita dapati gambaran ini pada masa kini dalam kutipan Lukas dari nabi Yesaya dan dalam penglihatan kenabian yang indah dari Kitab Barukh. Ketika kita melihat setiap gunung yang tinggi direndahkan dan 'jurang-jurang yang dalam dan yang lama menjadi rata dengan tanah', maka kita dapat menanggalkan jubah kesedihan dan kesengsaraan kita dan mengenakan kemegahan kemuliaan daripada Tuhan untuk selamanya, kerana Tuhan memimpin kita "dalam sukacita oleh cahaya kemuliaan-Nya, dengan belas kasihan-Nya dan keadilan-Nya sebagai teman."

Ketika kita merenungkan nuansa-nya ini, kita dapat menerapkan gambaran ini kepada diri kita sendiri. Gunung-gunung dan bukit-bukit melambangkan rintangan dalaman diri kita dalam persediaan kita untuk Tuhan. Dalam kehidupan rohani kita, kita sering menghadapi rintangan sedemikian. Kita biasanya paling sedar akan hal itu ketika kita telah jatuh sekali lagi ke dalam pola dosa. Hal-hal itu menonjol dalam fikiran kita semasa kita bersiap untuk membuat Pengakuan Dosa yang baik. Terdapat beberapa dosa yang nampaknya tidak dapat kita ubah atau lawan, seperti tabiat buruk kita, kesombongan kita, sifat pemaarah, kebencian, atau perilaku kompulsif. Ketika kita melihat dosa-dosa degil kita menjulang di hadapan kita, kita mungkin berkata, "Ini adalah gunung! Saya tidak boleh mengatasinya, saya tidak boleh menanganinya, dan saya tidak boleh menggerakkannya, sekarang apa yang harus saya lakukan?"

PENGUMUMAN PAROKI / DIOSIS

PENGUMUMAN PERKAHWINAN:

Sabtu, 21 Dis '24 | Servis Bahasa Cina (10.30 pg):

LEE QI LIANG & ADELA TANG ZI YING

Sabtu, 28 Dis 2024 | Misa (10.30 pg)

JOSHUA KHOR WEN LUN & ANNYLIYA A.ANTHONY

Sekiranya ada yang mengetahui sebarang halangan kanonik terhadap cadangan perkahwinan yang dinyatakan, sila hubungi paderi paroki.

PUTERI-PUTERI ST. PAULUS

Misi Buku mereka adalah untuk mempromosikan budaya membaca untuk meningkatkan pertumbuhan rohani sebagai seorang Kristian individu. Sokongan anda amat dihargai.
 Tarikh/Masa: Sabtu, 7 Dis – Ahad, 8 Dis (selepas Misa)
 Tempat: Dewan St. Faustina

POKOK HARAPAN KRISMAS 2024

anjuran bersama CDM Caritas dan Pusat Kebajikan Rakyat Pulau Pinang

Bawa harapan untuk mereka yang kurang bernasib baik semasa musim yang menggembirakan ini dan pilih senarai hajat daripada pokok harapan Krismas (di luar Bilik Adoration) hujung minggu ini. Sila serahkan hadiah anda bersama tag maklumat kepada pasukan penganjur selewat-lewatnya pada **Selasa, 10 Dis**. Penaja untuk kupon Krismas Ais Kacang dan barangan runcit juga dialu-alukan.

Hubungi: Thomas Devass (012-495 1969) atau Saisu (012-409 7201)

beras (5kg) mi segera minuman coklat detergen pencuci
 minyak masak (5kg) makanan tin kopi makanan kering

"AN ICE KACANG CHRISTMAS"

Bazaar Krismas yang penuh dengan makanan & keseronokan untuk semua orang!!

Tarikh/Masa: Ahad, 15 Dis 2024 (10.30 pagi – 4.00 petang)

Kekosongan gerai untuk bazaar ini terhad dan pendaftaran vendor akan ditutup tak lama lagi. Peluang terakhir untuk mempamerkan kemahiran F&B anda ialah pada **Sel, 10 Dis**. Hubungi: Zac (012-465 7649).

Kupon untuk bazar ini tersedia untuk dijual. Setiap helaian kupon termasuk tiket untuk ais kacang percuma dan cabutan bertuah. Hubungi Christine (012-410 8837) atau Alicia (016-441 1411).



Pengakuan Adven 2024 (Pulau Pinang)

Church of Immaculate Conception	Isnin, 9 Dis	10.00pg & 8.00mlm
Cathedral of the Holy Spirit	Selasa, 10 Dis	10.00pg & 8.00mlm
Church of the Risen Christ	Rabu, 11 Dis	10.00pg & 8.00mlm
Church of Divine Mercy	Khamis, 12 Dis	10.00pg & 8.00mlm
Church of the Holy Name of Jesus	Jumaat, 13 Dis	10.00pg (Bhs Cina) & 8.00mlm



Lihat pautan ini untuk membantu dalam penyediaan Advent yang bermakna:

<https://kas.or.id/panduan-adven-2024-menantikan-kedatangan-kristus-dalam-syukur-dan-pengharapan-iman/>

Lembah dalam perjalanan rohani kita pada awalnya kurang jelas, namun sebenarnya tidak dapat dilalui. Ketika kita memeriksa diri kita sendiri, kita mendapati bahawa kehidupan kita kehilangan beberapa elemen dasar, yang ketiadaannya seolah-olah menghalangi kemajuan selanjutnya secara kekal. Sebagai contoh, ketidaksabaran kita, atau tidak bersyukur, kekurangan keberanian, dan terutamanya kemiskinan cinta kasih kita dan ini seperti lembah dan jurang yang dalam yang tidak dapat kita lalui.

Siapa yang bertanggungjawab untuk meratakan rintangan ini? Adakah ini kerja kita atau Tuhan? Sebaik sahaja kita bertanya ini, kita menyedari bahawa, jika tergantung kepada kita, tugas itu mustahil. Tetapi Adven mengingatkan kita untuk tidak membuang masa dalam keputusan. Kita berpaling kepada Tuhan dan memohon pertolongan-Nya. Dengan berpaling kepada-Nya dalam doa, kita membuka diri kita agar kuasa-Nya bekerja di dalam diri kita. Kerana Tuhan lebih berniat untuk datang kepada kita daripada kita menyambut-Nya, Dia pasti akan mengatasi setiap rintangan untuk menyelamatkan kita, bahkan ketika kita merasa tidak ada jalan. Dia telah memulai pekerjaan penyelamatan kita, dan Dia akan menyelesaikan apa yang telah Dia mulai jika kita bekerjasama dengan kasih karunia Allah.

Ketika kita berdoa dengan iman, "gunung dan lembah" dari dosa dan kelemahan kita sebenarnya bukanlah halangan sama sekali. Hanya memerlukan sedikit iman untuk menyerahkannya kepada kuasa Tuhan. Yesus meyakinkan kita bahawa kita dapat memindahkan gunung: "Amin, Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika kamu mempunyai iman sebesar biji sesawi, katakanlah kepada gunung ini: Pindahlah dari sini ke sana, maka gunung ini akan pindah. Tidak ada yang mustahil bagimu" (Mat. 17:20).

Persiapkanlah jalan bagi Tuhan, luruskanlah jalan-Nya.... maka semua orang akan melihat keselamatan dari Tuhan. – Lukas 3: 4, 6

- Bagaimanakah saya mempersiapkan diri untuk kedatangan Kristus?
- Ketika kesombong dan kelakuan kompulsif saya membayangi saya, apakah ubat untuk dosa-dosa degil ini?
- Bagaimanakah ketidaksabaran, ketidaksyukuran dan kemiskinan kasih saya menghalangi pertumbuhan rohani saya?

Masa Misa & Doa	Tarikh	Keterangan
Chaplet Kerahiman Illahi Misa BM	8.30pg 9.00pg	Hari Minggu ke-2 Masa Adven Bar 5: 1-9 Phil 1: 3-6, 8-11 Lk 3: 1-6
Chaplet Kerahiman Illahi Misa Bahasa Cina 中文弥撒	5.30ptg 6.00ptg	
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	Isnin 09 Dis
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	Selasa 10 Dis
Chaplet Kerahiman Illahi	3.00ptg	Rabu 11 Dis
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	
Chaplet Kerahiman Illahi	3.00ptg	Khamis 12 Dis
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	
Chaplet Kerahiman Illahi	3.00ptg	Jumaat 13 Dis
Lauds Misa	6.20pg 6.45pg	
Novena kepada OMPH Misa	5.15ptg 5.30ptg	Sabtu 14 Dis
Chaplet Kerahiman Illahi Misa	8.30pg 9.00pg	
Chaplet Kerahiman Illahi Misa	8.30pg 9.00pg	Hari Minggu ke-3 Masa Adven Zeph 3: 14-18 Phil 4: 4-7 Lk 3: 10-18